

Majlis Berbuka Puasa

bersama **DYMM SULTAN SELANGOR & DYMM TENGKU PERMAISURI SELANGOR** - 24 Mei 2018

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan menghadiri majlis berbuka puasa bersama warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam di Masjid Al Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Pada majlis tersebut, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan zakat sebanyak RM27,200 kepada 57 asnaf pelajar UiTM.

Asnaf pelajar seramai 57 orang yang menerima sumbangan terdiri daripada 33 asnaf fakir, 11 asnaf fi sabilillah, 11 asnaf fakir dan dua asnaf saudara baharu.

Setiap asnaf terbabit menerima sumbangan zakat antara RM300 hingga RM900 seorang.

Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin serta Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah serta diringi YAB Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Besar Selangor serta isteri iaitu, YBhg Datin Seri Shamshida Taharin, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM dan Pro-Canselor UiTM serta pengurusan utama UiTM turut berangkat ke majlis berbuka puasa.

Pada majlis tersebut, DYMM Sultan Selangor berkenan untuk membaca Yassin bersama semua warga UiTM yang hadir dan berbuka puasa serta menunaikan solat Maghrib berjemaah diikuti solat Isyak dan terawih bersama para hadirin.





Universiti Teknologi MARA sekali lagi dinobatkan sebagai pemenang buat kali ketujuh berturut-turut untuk Emerald High Usage Award mengatasi 19 buah universiti lain dari seluruh dunia. UiTM berjaya menjadi institusi yang terbanyak membuat muat turun teks penuh dalam pangkalan data atas talian (PDAT) Emerald pada tahun 2017 dengan jumlah 1,143,941 mengatasi catatan muat turun yang direkodkan pada tahun sebelumnya iaitu 1,056,193. Peningkatan sebanyak 87,748 muat turun atau 8.31%.

Tempat kedua dimenangi oleh The Egyptian Knowledge Bank (EKB) Data Centre dengan jumlah muat turun sebanyak 573,892 manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Universitas Trisakti dengan jumlah muat turun sebanyak 329,022.



Kemenangan pada kali ini adalah lebih bermakna kerana UiTM juga dianugerahkan The Malaysian High Research Output Award berkongsi

ditempat ketiga bersama Universiti Utara Malaysia dengan pencapaian 66 orang penulis dalam Pangkalan Data Emerald bagi tahun 2017. The Malaysian High Research Output Award dianugerahkan kepada lima institusi di Malaysia yang mempunyai bilangan penulis yang tertinggi dalam PDAT Emerald.



SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita
Hanisah Jacob
Manurul Asikin Tukiran
Nur Idune Hayana Che Mohd

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

 @VCUiTM

 UiTM *di hatiku*
YouTube

 www.uitm.edu.my

 **UITM Rasmi:** www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

